



KOPI PAHIT

Alex Josey sudah pergi 'ditendang' oleh kerajaan pusat kerana tindak takduknya di negeri tempatnya menumpang. Ertinya orang yang semacam Alex Josey mesti pergi persetan dari Malaysia. Syabas langkah kerajaan yang tegas itu. Sungguh pun terang ia membawa keburukan tetapi siapakah yang bersedih dan berdukacita ditinggalkan Alex Josey? Jawabnya barang kali Lee Kuan Yew dan Rajaratnam kerana kononnya mereka mengeluarkan air mata atas pemergian Alex Josey.

* * *

Menteri Khir Johari bilang ia tidak mahu ribut-ribut dan buat fitnah. Kalau ia mahu buat fitnah siang-siang lagi ia mahu bilangkan sama Gamal Abdel Nasser bahawa Alex Josey serupa Yahudi. Bukannya serupa lagi bung tetapi hampir-hampir salin tak tumpah. Kalau betul Yahudi tak boleh ke mana-mana bung Khir rupanya.

* * *

Kisah pasal Yahudi ada seronoknya. Lee bawa orang Yahudi untuk merancang pembangunan bandar. Untuk melatih "kader-kader" PETIR juga dibawanya Yahudi. Walhal nampaknya Harry Lee dengan rakan-rakannya di dalam PETIR percayakan orang Yahudi. Banyak orang dihantarnya berlatih ke Israel - inikan tandanya cinta! Orang Islam bagaimana terhadap Yahudi? Menurut Al-Haram pada 20 Julai 1965 orang-orang Yahudi telah mencetak semula Qur'an yang dicetaknya pada tahun 1960 dan telah dibahagikan dahulu di negara-negara Asia dan Afrika. Qur'an itu dibuat banyak salahnya dan dipusing-pusing. Kononnya "tersalah" tetapi sebenarnya disengaja untuk mengelirukan umat Islam -

Beginilah caranya Yahudi bekerja! Apa cara inikah yang hendak diambil alih oleh Harry Lee???

* * *

En. Senu bilang orang Melayu sudah tidak ada benda lagi yang hendak diberikan kepada orang-orang yang bukan Melayu yang diungkit-ungkit oleh Harry Lee. Mereka masih belum puas lagi kepada tuntutananya kerana masih ada lagi hak-hak orang Melayu? Apa bendanya? Apa isteri suruh serahkan kepadanya supaya orang Melayu tukar agamanya dan dayus! Kalau tak percaya lihat nanti! Sekarang tanda-tandanya sudah ada di dalam galakan sosialnya.

* * *

Orang Cina dikenakan juga peraturan kahwin tidak boleh lebih dari satu - sama rata kata Lee. Dengan itu orang-orang Islam dikenakan aturan keras kalau mahu poligami. Tujuannya supaya umat Islam semakin kurang dan kelak boleh ditindas. Bagaimana orang Cina? Adakah mereka akan kurang keturunannya? Tak mungkin - hukum negeri tidak membolehkan tetapi mereka berleluasa kahwin "pinjam" dan ada isteri kecil di luar nikah dan kerana itu umatnya banyak dan kerana itu pula anak-anaknya menurut istilah Islam anak gampang macam.... ya macamlah! macam si anu tu! Si anu mana? T.S. T. lah.....!

* * *

PETIR selalu bilang mahu tolong Melayu - tolong Melayu dan tolong Melayu - memberi keistimewaan kepada Melayu. Kalau di zaman penjajah orang Melayu di dalam kastam dapat 25 dari 30 orang ini tidak adil, kata Mister Harry Lee. Pertolongan yang didapat dari Harry Lee yang "menolong Melayu" ialah di dalam jabatan itu kalau kosong orang Melayu hanya dapat 3 sedang orang Cina 27. Tolong ini namanya melepaskan batuk di tangga atau tolong propaganda

(Sambungan di muka 39)